

“Dia berjanji teruskan apa dipelajarinya, cuma buat masa ini dia minta izin cuba bidang perniagaan”
Asmah Senapi

RIAN METRO

■ Gadis viral jual nasi lemak anak dara minta izin ibu untuk berniaga

Mohd Hanafis Abdul Haris
hanafis@hmetro.com.my

SITI Hajjar bersama Asmah selepas menerima Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik pada Majlis Konvokesyen ke-16 UTHM, semalam.

Batu Pahat

“T idak salahkan jika graduan jurutera jual nasi lemak.

“Rezeki saya kini lebih kepada jual nasi lemak namun tidak bermakna saya lupakan cita-cita bergelar jurutera,” kata gadis yang viral dengan perniagaannya, nasi lemak anak dara, Siti Hajjar Ahmad, 24.

Siti Hajjar berkata demikian sebaik menerima Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik pada sidang kedua Majlis Konvokesyen ke-16 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini, semalam.

Ijazah terbabit disampaikan Pro-Canselor UTHM Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Siti Hajjar berkata, dia gembira apabila usaha dan cita-citanya menggenggam segulung ijazah dalam bidang kejuruteraan tercapai.

“Saya bersyukur dan agak beremosi hari ini kerana ibu turut hadir di sisi saya.

“Saya tetap memberi fokus terhadap perniagaan nasi lemak namun turut merancang mencari pekerjaan dalam bidang dipelajari,” katanya yang juga anak kelahiran Sungai Petani, Kedah yang ditemani ibunya, Asmah Senapi, 50, dalam majlis konvokesyen itu.

Menurutnya, dia tidak pernah menyangka mendapat perhatian sebegitu rupa, namun menganggapnya rezeki untuk membantu ibunya dan adik-beradik lain.

Katanya, dia sebe-

Jurutera nasi lemak

narnya mendapat pekerjaan yang berkaitan, namun menanggungkannya selepas melihat rezeki dalam bidang perniagaan itu melimpah ruah.

“Mungkin tahun depan saya akan memberi fokus terhadap pekerjaan baru, tetapi pada masa sama tetap berniaga nasi lemak,” katanya.

Sementara itu, Asmah berkata, dia menyokong apa jua usaha dilakukan anak ketiganya, namun tetap berhasrat melihat Siti Hajjar menjadi jurutera suatu hari nanti.

“Dia berjanji meneruskan apa dipelajarinya, cuma buat masa ini dia meminta izin mencuba bidang perniagaan dan saya sentiasa berada di belakangnya,” katanya.

Menurutnya, dia terkejut apabila diberitahu Siti Hajjar mahu berniaga kerana mereka bukannya keluarga yang pernah berada dalam bidang itu.

“Siti Hajjar memang seorang yang rajin memasak. Apabila cuti semester dahulu pun, dia menolong saya di dapur sehingga boleh memasak beberapa menu lain juga,” katanya.

Kisah Siti Hajjar sebelum ini menjadi viral selepas perniagaan nasi lemaknya di Shah Alam, Selangor dikenakan kompaun RM2,000 oleh pihak berkuasa tempatan.

“**Saya tetap beri fokus terhadap perniagaan nasi lemak**
Siti Hajjar Ahmad”

